

BIL. 1/2018



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



KOLEJ MATRIKULASI
KELANTAN



BULETIN PERPUSTAKAAN IBNU FIRNAS 2018

TERBITAN UNIT PERPUSTAKAAN KMKT

ISI KANDUNGAN

PERPUSTAKAAN IBNU FIRNAS

MENGENAI KAMI

MISI

VISI

OBJEKTIF

PERKHIDMATAN

KEAHLIAN

WAKTU OPERASI

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

PERATURAN PERPUSTAKAAN

DENDA LEWAT YANG DIKENAKAN

KOLEKSI PERPUSTAKAAN

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG 2018

Sila layari laman web kami di <https://ibnufirnas2014.wixsite.com/mysite> untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Ikuti kami di

Facebook : <https://www.facebook.com/perpustakaan.ibnufirnas.3>

Instagram : <https://www.instagram.com/librarykmkt/>

Twitter : <https://twitter.com/librarykmkt2014>



PERPUSTAKAAN IBNU FIRNAS

MENGENAI KAMI

Perpustakaan Kolej Matrikulasi Kelantan (KMKT) ditubuhkan secara serentak dengan penubuhan Kolej Matrikulasi Kelantan pada 27 Oktober 2013. Perpustakaan Matrikulasi dikenali sebagai Perpustakaan Ibnu Firnas. Perpustakaan Matrikulasi berada di bawah jabatan sastera dan profesional yang berkaitan dengan jabatan ini. Perpustakaan Kolej Matrikulasi KELANTAN (KMKT) adalah perpustakaan akademik yang terhad kepada pelajar sains dan perakaunan. Pada masa ini, pengumpulan bahan bacaan yang terdapat di pustaka Ibnu Firnas mengandungi 10831 buku yang terdiri daripada 1636 judul keseluruhan.

MISI

Untuk memberi perkhidmatan berkualiti dalam membantu usaha pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

VISI

Menjadikan Perpustakaan Ibnu Firnas sebagai perpustakaan kolej yang cemerlang dari segi sistem pengurusan, amalan, profesionalisme dan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelajar, pensyarah, dan kakitangan Kolej Matrikulasi Kelantan.



PERPUSTAKAAN IBNU FIRNAS

OBJEKTIF

- Memberi sokongan kepada sistem pendidikan sebagai usaha untuk memperluas dan meningkatkan taraf pendidikan di kalangan pelajar KMKt dengan cepat dan tepat.
- Menyediakan kemudahan rujukan dan prasarana fizikal serta keperluan maklumat kepada pelajar, tenaga pengajar dan kakitangan KMKt bagi menggalakkan dan meningkatkan prestasi / sahsiah pelajar.
- Menyediakan koleksi bahan Pusat Sumber untuk keperluan kepada seluruh warga KMKt.

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Pengguna Perpustakaan Kolej Matrikulasi Kelantan meliputi perkhidmatan pinjaman, rujukan dan penasihat pembaca, pendidikan pengguna dan perkhidmatan multimedia.

PERPUSTAKAAN IBNU FIRNAS

KEAHLIAN

Keahlian Perpustakaan adalah dibuka kepada semua pelajar, pensyarah dan staf Kolej Matrikulasi Kelantan. Kelab Sahabat telah diwujudkan dalam Perpustakaan iaitu Sahabat Ibnu Firnas. Kelebihan pelajar menjadi Sahabat ibnu Firnas adalah mereka boleh meminjam 4 nashkah buku selama 3 minggu manakala ahli lain dibenarkan meminjam 2 nashkah buku selama dua minggu. Pensyarah dan staf dibenarkan meminjam buku sebanyak 4 nashkah buku selama 3 minggu. Denda lewat memulangkan buku adalah RM 0.20 sehari.

WAKTU OPERASI

HARI	SEMESTER	MINGGU PEPERIKSAAN	CUTI SEMESTER
AHAD-RABU	8 PG - 5 PTG	8 PG - 10MLM	8 PG - 5 PTG
KHAMIS	8 PG - 3.30PTG	8 PG - 10MLM	8 PG - 3.30 PTG
JUMAAT	TUTUP		
SABTU	BERGANTUNG KEPADA PERMOHONAN/ PERMINTAAN/ KEPERLUAN		

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

RUJUKAN

Menyediakan perkhidmatan rujukan bagi koleksi rujukan

PINJAMAN & PEMULANGAN

Menyediakan perkhidmatan pinjaman dan pemulangan koleksi perpustakaan di kaunter perkhidmatan

WEBOPAC

Menyediakan perkhidmatan pencarian maklumat koleksi perpustakaan secara online

ORIENTASI & TAKLIMAT PERPUSTAKAAN (MINGGU MPPB)

Menyediakan perkhidmatan pendidikan pengguna secara taklimat dan pandu arah kepada pelajar-pelajar baharu dalam minggu MPPB

TEMPAHAN BILIK PERBINCANGAN

Menyediakan perkhidmatan tempahan Bilik Perbincangan kepada pelajar yang melaksanakan aktiviti perbincangan secara berkumpulan

BILIK CYBER REMAJA

Menyediakan perkhidmatan kesetiausahaans bagi pelajar yang ingin membuat tugas menggunakan komputer

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

TV INFO KMKT

Menyediakan maklumat dan informasi terkini secara paparan elektronik berkaitan aktiviti KMKT

SUDUT PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PPPM)

Menyediakan maklumat berkaitan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025

WIFI

Menyediakan perkhidmatan internet percuma dengan cara mengakses Kmk_Staff, Student_Wifi

LOKER

Loker turut disediakan bagi kemudahan pelajar untuk menyimpan barang. Terdapat loker terbuka dan tertutup.

Bagi loker tertutup, pelajar bolkeh mendapatkan kunci loker tersebut di kaunter perkhidmatan tanpa sebarang cas.

SELF CHECK

Perpustakaan Ibnu Firdaus turut menyediakan kemudahan "self checkout machine" bagi kemudahan pelajar meminjam buku sendiri.

BOOK DROP

Pelajar dan pensyarah dapat menghantar buku

PERATURAN PERPUSTAKAAN

Pelajar diwajibkan memakai kad pelajar semasa masuk dan berada dalam perpustakaan.

Pelajar hendaklah berkelakuan baik dan berpakaian kemas semasa berada di perpustakaan, sesuai dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Matrikulasi.

Pelajar diwajibkan mematuhi Peraturan Pakaian dan Kemasan Diri Pelajar.

Semasa berada di perpustakaan, pelajar DILARANG!:

Menconteng/ mengoyak/merosakkan/ membawa keluar buku, jurnal dan bahan perpustakaan tanpa kebenaran. Merosakkan peralatan/bahan media.

Membawa makanan ke dalam perpustakaan.

Merokok dan makan.

Berbual dan mengganggu ketenteraman orang lain.

Memindahkan buku/bahan perpustakaan dari satu aras/koleksi ke aras/koleksi yang lain.

PERATURAN PERPUSTAKAAN

- Menyepahkan/ meninggalkan buku di atas meja/rak.
- Mengalih/menyalahgunakan/merosakkan perabot.
- Membuang sampah merata-merata.
- Memakai selipar semasa masuk dan berada di perpustakaan.
- Memakai selipar semasa masuk dan berada di perpustakaan.
- Berkelakuan sumbang atau salah laku dalam perpustakaan.
- Menyalahguna pangkalan data komersial dan kemudahan Internet.
- Pelajar dikehendaki meletakkan buku yang telah digunakan di Rak Sementara.
- Pelajar perpustakaan bertanggungjawab pada barang-barang peribadi yang dibawa masuk ke perpustakaan. Perpustakaan tidak bertanggungjawab atas kehilangan barang tersebut.

DENDA LEWAT YANG DIKENAKAN

Pengguna yang lewat memulangkan buku yang dipinjam akan dikenakan denda lewat sebanyak RM0.20 sehari.

Bagi kes kehilangan buku, pengguna tersebut akan dikenakan denda sebanyak nilai harga asal buku dan RM10.00 bagi yuran proses.

Bagi pelajar yang mempunyai denda melebihi RM15.00 akan diterhadkan pembayaran sebanyak RM15.00 juga.

Koleksi Perpustakaan



000 - Koleksi Umum

005 - Sains Komputer

100 - Falsafah & Psikologi

150 - Psikologi

200 - Agama

200 - Pendidikan Moral

297 - Agama Islam

300 - Sains Kemasyarakatan

330 - Ekonomi

370 - Pendidikan

400 - Bahasa

420 - Bahasa Inggeris

499 - Bahasa Melayu

500 - Sains dan Matematik

510 - Matematik

530 - Fizik

540 - Kimia

570 - Biologi

600 - Sains Gunaan & Teknologi

650 - Pengurusan Perniagaan

657 - Perakaunan

800 - Sastera

823 - Fiksyen Inggeris

900 - Geografi & Sejarah

Koleksi bahan perpustakaan adalah berjumlah hampir 10,500 naskah. Koleksi utama Perpustakaan Kolej Matrikulasi Kelantan merangkumi subjek perakaunan, sains sosial, fizik, kimia, biologi, matematik dan sains komputer serta terdapat juga rujukan bidang am lain yang menyokong Proses Pembelajaran dan Pengajaran. Sistem pengelasan yang digunakan adalah Sistem Pengelasan Perpukuhan Dewey (DDC) seperti berikut:



Koleksi-koleksi di perpustakaan Ibnu Firdaus boleh didapati di:

ARAS BAWAH

Koleksi Rujukan

Koleksi rujukan terdiri daripada kamus dan ensiklopedia yang menjurus kepada bidang pengajian yang terdapat di Kolej Matrikulasi Kelantan.

Koleksi Majalah

Koleksi Majalah terdiri dari pelbagai variasi tema seperti pengguna Keluarga, Anjung Seri, Dara, Wanita, dan pelbagai lagi



ARAS ATAS

Koleksi Pinjaman Terbuka

Koleksi pinjaman terbuka di perpustakaan ini lebih menjurus kepada bidang pengajian yang terdapat di Kolej Matrikulasi Kelantan iaitu merangkumi perakaunan, sains sosial, fizik, kimia, biologi, matematik dan sains komputer. Selain itu terdapat juga pelbagai bahan bacaan fiksyen dan bukan fiksyen terbitan terkini untuk para pelajar.

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

Perpustakaan Ibnu Firdaus KMKT berkongsi bangunan dengan Unit Sains Komputer, dan Makmal Bahasa. Mempunyai dua (2) aras untuk perpustakaan dan satu aras iaitu aras tiga (3) menempatkan ruang kerja Unit Sains Komputer, Makmal Komputer dan Makmal Bahasa. Kebiasaannya, aras bawah digunakan untuk melaksanakan program pameran serta Program Derma Darah. Setiap kemasukan sesi baharu untuk ke Kolej Matrikulasi Kelantan, aras bawah perpustakaan kebiasaanya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran pelajar semasa Minggu Pendaftaran Pelajar Baharu.



RUANG BACAAN TERBUKA

Disediakan bagi kemudahan dan keselesaan pelajar membuat rujukan, mengulangkaji, pembacaan dan perbincangan berkumpulan. Ruang bacaan terbuka disediakan di aras bawah dan aras 1.



RUANG MEJA KAREL

Disediakan bagi kemudahan dan keselesaan pelajar membuat rujukan, mengulangkaji dan pembacaan secara individu/sendiri. Ruang meja karel disediakan di aras bawah dan aras 1.

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN



BILIK PERBINCANGAN

Bilik perbincangan di Perpustakaan Ibnu Firnas mempunyai 4 bilik perbincangan. Disediakan bagi kegunaan pensyarah dan pelajar untuk menjalankan aktiviti perbincangan secara berkumpulan. Pelajar dan pensyarah selesa mengguna bilik perbincangan yang disediakan.

BILIK CYBER REMAJA

Bilik cyber remaja disediakan untuk kegunaan kepada pelajar dan pensyarah bagi mengakses internet. Kebiasaannya, pelajar menggunakan bilik cyber remaja untuk menyiapkan kertas kerja mereka.

Untuk masuk ke bilik cyber remaja, pelajar/pensyarah hendaklah mendaftar nama di kaunter dan mengakses menggunakan kad pelajar/pensyarah untuk masuk ke dalam bilik cyber remaja.



MINI SURAU

Kemudahan surau disediakan untuk kemudahan pengguna Perpustakaan Ibnu Firnas. Disediakan untuk kemudahan kepada pelajar dan pensyarah. Kelengkapan solat juga disediakan.

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN



RUANG PAMERAN UMUM

Ruang pameran disediakan di hadapan kaunter perkhidmatan yang berdekatan dengan pintu keluar masuk. Pameran juga akan berubah pada setiap 2 atau 3 bulan sekali.

A book is
a dream
that you
hold in
your hands

- Neil Gaiman



the WORLD is
a BOOK and
those who do not
TRAVEL
read only one page

- St. Augustine

RUANG SANTAI

Ruang santai juga ada disediakan di Perpustakaan Ibnu Firdaus. Disediakan kepada pelajar untuk bersantai sambil membaca atau membuat latihan matapelajaran secara tidak langsung.

AKTIVITI-AKTIVITI SE PANJANG 2018

Perpustakaan Ibnu Firnas banyak menganjurkan pelbagai aktiviti bagi menggalakkan para pelajar untuk berkunjung ke perpustakaan.

Antara aktiviti yang telah dianjurkan sepanjang bulan Februari hingga Disember adalah seperti Pameran Manuskrip Melayu, KIDZONIA, Kempen derma darah, Pameran sempena pilihanraya umum, Jom baca bersama selama 10 minit dan sebagainya.



PAMERAN MANUSKRIPT MELAYU (FEB-MAC)

KIDZONIA (19-21 MAC)

KEMPEN DERMA DARAH (25-27 MAC)

PAMERAN SEMPENA PILIHANRAYA UMUM KE 14 (APRIL-MEI)

JOM BACA BERSAMA 10 MINIT (24 APRIL)

PHOTOBOOTH (APRIL-MEI)

PAMERAN SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN (OGOS-SEPT)

**MAJLIS PERASMIAN KELAB SAHABAT IBNU FIRNAS(SIF)
(12 SEPT)**

PAMERAN BUMI HIJAU (SEPT-OKTOBER)

PROGRAM FUN SCIENCE IN THE LIBRARY (9 OKTOBER)

CHALLENGE YOURSELF (14&15 NOV 2018)

KEMPEN DERMA DARAH (18&19 NOV 2018)

KARNIVAL PENDIDIKAN KERJAYA (22&23 NOV 2018)

PAMERAN MANUSKRIP MELAYU



Perpustakaan Ibnu Firnas dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan satu program iaitu Pameran Manuskip Melayu pada bulan Februari hingga Mac. Pameran ini bertujuan untuk mengenali dan mencintai khazanah ilmu manuskrip melayu dengan lebih mendalam. Pameran ini berlangsung di ruang pameran Perpustakaan Ibnu Firdaus.



KIDZONIA

Pada 19-21 Mac, perpustakaan Ibnu Firdaus dengan kerjasama Unit Pendidikan Islam telah menganjurkan satu program kanak-kanak yang bertajuk KIDZONIA. Program seperti ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak melalui aktiviti-aktiviti yang disertai. Penglibatan program ini juga adalah daripada anak-anak kakitangan KMKit dan sambutan yang diberikan amat memberangsangkan.



Wajah-wajah kegembiraan peserta jelas terpancar semasa aktiviti dijalankan.

KEMPEN DERMA DARAH



Perpustakaan Ibnu Firnas dengan kerjasama Hospital Universiti Sains Malaysia telah mengadakan kempen derma darah pada bulan Mac lalu. Kempen derma darah ini bertempat di tempat ruang santai perpustakaan Ibnu Firnas dan telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada warga KMKT.



JOM BACA BERSAMA SELAMA 10 MINIT



Program ini juga dijalankan serentak di seluruh Malaysia oleh Perpustakaan Awam Negeri masing-masing. Selain daripada program membaca 10 minit, untuk menggalakkan pelajar berminat untuk ke perpustakaan, bagi memeriahkan program ini, pihak Perpustakaan Ibnu Firnas telah menjalankan aktiviti bermain congkak dan sahibba . Hadiah juga turut disediakan kepada pemenang.

“

"JIKA INGIN
MENGHANCURKAN
SEBUAH BANGSA DAN
PERADABAN,
HANCURKAN BUKU-
BUKUNYA; MAKA
PASTILAH BANGSA ITU
AKAN MUSNAH." - MILAN
KUNDERA



PAMERAN-PAMERAN YANG DIJALAN DI PERPUSTAKAAN IBNU FIRNAS

PAMERAN PILIHAN RAYA UMUM KE-14

Pameran ini berlangsung sempena pilihan raya umum ke-14 pada 9 Mei 2018. Pameran ini bertujuan ini mendedahkan kepada para pelajar tentang info semasa yang hangat ketika itu.



PHOTOBOOTH


Ruang photobooth ini sering juga dilaksanakan di perpustakaan Ibnu Firdaus untuk para pelajar bersantai dan mengambil peluang untuk bergambar di booth-booth pihak perpustakaan sediakan. photobooth ini juga mendapat sambutan yang baik kepada pelajar dan juga pensyarah



MAJLIS PERASMIAN KELAB SAHABAT IBNU FIRNAS (SIF)

*Majlis Perasmian Kelab Sahabat Ibnu Firnas
telah diadakan pada 12 Sept 2018 di
Perpustakaan Ibnu Firnas.*

Majlis ini telah dirasmikan oleh Shahrin bin Osman selaku Timbalan Pengarah Kolej Matrikulasi Kelantan. Ahli-ahli SIF ini dipilih melalui 'interview' yang dijalankan oleh rakan staf perpustakaan. Jumlah ahli SIF adalah seramai 45 orang sahaja yang terdiri daripada pelajar program 1 tahun (PST) dan program 2 tahun (PDT). Tujuan penubuhan kelab ini untuk mendedahkan pelajar kepada pengurusan, sikap kepimpinan dan melahirkan pelajar yang berdaya saing dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Sehubungan dengan itu, penubuhan kelab ini diharap dapat memberi pendedahan awal kepada para pelajar untuk menguruskan kelab-kelab yang bakal disertai di universiti kelak.






PAMERAN SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN

Pameran-pameran di Perpustakaan Ibnu Firdaus sering dilakukan setiap bulan mengikut tema-tema yang dirancang oleh staf-staf perpustakaan.

Pameran bulan kemerdekaan yang bertemakan

"Sayangi Malaysiaku" telah menyediakan photobooth untuk para pelajar bergambar dan membaca info-info tentang sejarah kemerdekaan negara Malaysia. Pameran ini juga bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cinta akan tanah air.




PROGRAM FUN SCIENCE IN THE LIBRARY



Program Fun Science in the Library telah berlangsung pada 10 Oktober 2018 pada hari Rabu sempena minggu studyweek. Program ini bertujuan untuk menggalakkan para pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan dan efektif melalui penggunaan peta minda dan gambar rajah. Program ini juga diharap dapat membantu para pelajar mempelbagaikan cara pembelajaran dengan kaedah peta minda dan gambar rajah. Melalui program ini, para pelajar juga dapat melatih para pelajar menyelesaikan masalah pembelajaran. Program ini juga diharap dapat dijadikan sumber inspirasi kepada para pensyarah untuk menggunakan peta minda dan gambar rajah sebagai alat bantu mengajar dan sesi P&P.



- Program Fun Science in the Library juga disertai dengan pameran yang bertemakan Bumi dan Alam Sekitar. Ruang untuk bergambar juga disediakan bagi menarik minat para pelajar untuk berkunjung ke booth-booth kami.




CHALLENGE YOURSELF!!

PADA 14&15 NOVEMBER, PUSAT SUMBER IBNU FIRNAS TELAH MENGANJURKAN SATU PROGRAM IAITU "CHALLENGE YOURSELF".

Program ini merupakan satu aktiviti santai yang disertai oleh pengunjung pusat sumber Ibnu Firnas terutama sekali kepada para pelajar. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk menjadikan pusat sumber bukan sahaja bersifat akademik semata-mata malahan ianya membolehkan para pelajar berfikir di luar kotak dan pembelajaran secara santai dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dalam program ini.



Disamping itu, para pelajar dapat belajar sambil bermain yang menguji tahap minda, berfikiran kreatif selain dapat menghilangkan stress kepada para pelajar. Antara aktiviti santai yang diadakan adalah crossword puzzle, jigsaw puzzle, rubrik's cube challenge dan choose your colors.



MINI EXPLORACE, TREASURE YOUR KNOWLEDGE



Mini explorace, treasure your knowledge juga merupakan salah satu aktiviti di bawah "challenge yourself". Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk peserta mengenali pusat sumber dengan lebih dekat. Aktiviti ini juga dapat menjalinkan hubungan yang baik antara staf pusat sumber Ibnu Firdaus.

Selain itu juga, aktiviti ini juga untuk merapatkan ukhuwah antara pelajar itu sendiri. sifat bekerjasama antara kumpulan juga dapat dizahirkan semasa aktiviti ini berlangsung. Soalan-soalan di setiap "checkpoint" juga dapat menguji minda dan berfikiran di luar kotak. Hasilnya, para pelajar boleh meningkatkan jati diri mereka searus dengan peredaran zaman.



Para peserta sedang membuat tugas di "checkpoint" 2.



KEMPEN DERMA DARAH

Anda tidak perlu menjadi doktor untuk menyelamatkan nyawa...

Jom Derma Darah!

"Selamat, Mudah & Mampu Menyelamatkan Nyawa Seseorang"


KEMPEN DERMA DARAH

"3 Nyawa 10 Minit"

"MENDERMA DARAH SEMULIA-MULIA SEDEKAH"

18 - 19 NOVEMBER 2018
AHAD & ISNIN
9.00 PAGI - 3.00 PETANG
PERPUSTAKAAN IBNU FIRNAS

Pada tahun 2018, kempen derma darah dijalankan sebanyak 2 kali di perpustakaan Ibnu Firdaus. Hal ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga Kolej Matrikulasi Kelantan bahawa menderma darah dapat menyelamatkan banyak nyawa. Kempen ini adalah kerjasama daripada pihak Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dengan Perpustakaan Ibnu Firdaus. Sambutan yang diberikan amat memberangsangkan.



KARNIVAL PENDIDIKAN KERJAYA 2018

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



KOLEJ MATRIKULASI KELANTAN
Tarikh: 22-23 November 2018



Karnival Pendidikan Kerjaya telah diadakan di Pepustakaan Ibnu Firnas dengan kerjasama unit kaunseling. Karnival ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang IPTA/IPTS.

KREDIT:

PERPUSTAKAAN IBNU FIRNAS

-
- PUAN SITI MUNIRAH BINTI AB RAHMAN
 - PUAN NOOR ALIA HANIM BINTI MOHAMAD
HASAN
 - EN. WAN AHMAD HASRUL BIN WAN YUSOFF
 - NORLITA BINTI ABDULLAH
 - SITI NOR FAIRUZ BINTI SIDI AHMAD
 - NORAFIZAH BINTI ARIFFIN
 - ISMAIL BIN YA



EDITOR;

NUR SYAHIRA BINTI MOHD SUHAIMI
CHE NUR AFIQAH BAHIRAH BINTI CHE ZAMRI